

KEBERKESANAN AMALAN BIMBINGAN MENGGUNAKAN KAEDAH 'PLAN DO CHECK ACT'(PDCA) DALAM PENILAIAN BERTERUSAN TERHADAP KUALITI TUGASAN PELAJAR PERAKAUNAN KOLEJ MATRIKULASI PERAK

Haizan Bt Ahmad, Azfariza Bt Abdul Rahim,
Intan Haslina Bt Kamarzaman, Rubiah Bt Rahmat
Unit Perakaunan, Kolej Matrikulasi Perak

haizankmpk@gmail.com, azfarizakmpk@gmail.com, intanrahat@gmail.com, rubiahkmpk0213@gmail.com.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan bimbingan berterusan diantara pensyarah dan pelajar berkaitan dengan tugas penilaian berterusan. Pelajar dikenal pasti semasa semakan draf awal pelajar tanpa bimbingan. Penyelidik mengenal pasti masalah utama ialah pelajar tidak memahami kehendak soalan dan cara menjawab yang terancang, tepat dan sistematik. Amalan bimbingan dan kaedah 'Plan, Do, Check, Act'(PDCA) ini dapat membantu pelajar menghasilkan tugas yang terancang, tepat dan sistematik sesuai dengan kehendak soalan tugas. Seramai 123 orang pelajar jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak terlibat dalam kajian. Pelaksanaan melalui dapatan maklumbalas awal, soal selidik awal dan maklumbalas bimbingan melalui Google form. Dalam maklumbalas awal mendapati bahawa melebihi 60% pelajar tidak dapat menjawab mengikut kehendak soalan. Selepas bimbingan dan pelaksanaan menggunakan kaedah PDCA didapati bahawa peratus min pelajar meningkat dan pelajar berjaya menghasilkan tugas yang berkualiti. Soal selidik menunjukkan kadar kefahaman pelajar tinggi tentang aras berkaitan 'problem identification,(70%), aras 'analysis' (70.5%) dan aras 'application' (65.5%) berbanding sebelumnya rendah atau sederhana. Respons akhir mengenai amalan bimbingan menunjukkan pelajar bersetuju bahawa kaedah PDCA ini dapat membantu mereka dalam menghasilkan tugas penilaian berterusan yang berkualiti. Kesan amalan bimbingan dengan menggunakan kaedah PDCA dalam menyelesaikan soalan tugas menunjukkan pelajar boleh menjawab dengan cemerlang dan mengikut rubrik yang telah ditetapkan. Ia dapat membantu meningkatkan kemahiran dan kefahaman pelajar dan pedagogi pensyarah. Ini sekaligus dapat meminimumkan kesalahan dan meningkatkan pencapaian pelajar.

Kata kunci: Bimbingan, PDCA, Penilaian Berterusan, perakaunan, Kolej Matrikulasi Perak